

Risiko aplikasi mudah alih

Oleh Ikram Ismail
ikram.ismail@mediaprima.com.my
Kuala Lumpur

■ Akses data penerbangan, pergerakan pesawat menerusi telefon pintar dibimbangi disalah guna pihak tertentu

Kebanjiran pelbagai aplikasi yang mampu mengakses data penerbangan dan pergerakan pesawat serta boleh diperolehi dengan mudah menerusi teknologi telefon pintar dikhuatiri disalahgunakan pihak tertentu untuk tujuan tidak baik.


Dengan harga ditawarkan serendah RM4 hingga RM50, pemilik telefon pintar hanya perlu memuat turun aplikasi berkenaan daripada beberapa penyedia perkhidmatan aplikasi.

Aplikasi berkenaan membolehkan pengguna telefon pintar mendapatkan maklumat jadual penerbangan, destinasi, kedudukan terkini pesawat, log laluan, waktu berlepas dan ketibaan serta data berkaitan penerbangan seperti nombor pesawat, syarikat penerbangan, kelajuan pesawat dan ketinggian pesawat.

Selain itu, terdapat juga aplikasi dikenali Radio Kawalan Trafik Udara (ATC) yang membolehkan pengguna telefon pintar mendengar komunikasi antara menara kawalan lapangan terbang dengan juruterbang.

Bagi mendapat kesahihan dakwaan itu, Harian Metro memuat turun salah satu aplikasi didakwa dapat mendengar komunikasi berkenaan membabitkan menara kawalan sebuah lapangan terbang di luar negara. Bagaimanapun, menurut penyedia aplikasi, beberapa negara termasuk United Kingdom dan Itali menyekat akses komunikasi berkenaan atas alasan keselamatan.

Penganalisis penerbangan Prof Dr Ahmad Samsuri Mokhtar berkata, setiap pesawat



APLIKASI menunjukkan penerbangan pesawat komersial ke pelbagai destinasi.



“Melalui aplikasi ini, pengguna yang memuat turun berpeluang mengakses maklumat terkini mengenai pesawat”
Dr Ahmad Samsuri Mokhtar

terbang atau mendarat adalah mudah.

komersial mempunyai 'transponder' sebagai pengenalan diri.

Katanya, ini bermakna aplikasi terbabit mempunyai data asas mengenai setiap pesawat komersial dan mencari pesawat komersial sama ada sedang

“Dalam kes ini, maklumat mengenai pesawat ini direkodkan mana-mana lapangan terbang dan disalurkan kepada pengguna.

“Bagaimana membuat aplikasi menghubungkan data kepada aplikasi ciptaan mereka adalah menakjubkan kerana data berkenaan sepatutnya tidak perlu didedahkan kepada umum.

“Melalui aplikasi ini, pengguna yang memuat turun berpeluang mengakses maklumat terkini me-



APLIKASI menunjukkan maklumat penerbangan pesawat komersial.



APLIKASI untuk mendengar perbualan antara pegawai trafik udara dan pesawat komersial.

ngeni pesawat dan sekali gus mungkin membahayakan pesawat terbabit jika terdapat niat jahat pihak tertentu.

“Pihak tidak bertanggungjawab tidak perlu memiliki radar atau

peralatan canggih untuk mendapatkan maklumat dari menara kawalan trafik udara kerana maklumat berkenaan hanya diperolehi melalui aplikasi yang dimuat turun ke telefon saja,” katanya.

Sementara itu, pensyarah Jabatan Kejuruteraan Sistem Komputer dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM) Dr Aduwati Sali turut tidak menolak kemungkinan aplikasi itu membuka ruang lebih mudah kepada pihak tidak bertanggungjawab menyalahgunakannya untuk tujuan tidak baik.

Menurutnya, data diperolehi melalui aplikasi terbabit biasanya dikumpul satu sistem pelayan berpangkalan di luar negara dan disalurkan kepada penyedia aplikasi sebelum dapat diakses pengguna.

Menurut beliau, data terbabit biasanya disalurkan secara sah kerana penyedia aplikasi tidak akan sewenang-wenang memasukkan aplikasi tidak sah lebih-lebih lagi ia membabitkan perkongsian data.

“Dalam kes aplikasi terbabit, segala data terkumpul di seluruh lapangan terbang utama dunia dihantar ke satu sistem pelayan.

“Tujuan penciptaan aplikasi seperti ini pada dasarnya untuk kemudahan penumpang dan saudara mara mereka bagi mengetahui pergerakan pesawat seperti jadual penerbangan dan waktu ketibaan.

“Saya sendiri menggunakan aplikasi seumpama ini dan saya tidak menolak aplikasi ini boleh disalahgunakan,” katanya.

